

Terma dan Syarat
Promosi *Shopee 9.9 Super Shopping Day* Dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Promosi: 1 September 2022 – 9 September 2022

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak (seperti yang ditentukan di bawah) diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah yang terdapat di www.ambank.com.my. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan di bawah, Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan mana-mana wakil sah Bank.

1 Definisi

- 1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, kata dan ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan kepadanya kecuali jika konteksnya menghendaki sebaliknya:

“**Kumpulan AmBank**” bermaksud semua syarikat dan syarikat bersekutu yang berkaitan dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan kepada ‘Kumpulan AmBank’ dalam terma dan syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

“**Bank**” merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Promosi**” bermaksud “**Promosi *Shopee 9.9 Super Shopping Day* Dengan Kad Debit AmBank**” yang secara kolektif merangkumi Promosi I, Promosi II dan Promosi III yang dianjurkan oleh Bank dan Shopee selaras dengan terma dan syarat seperti yang ditetapkan dalam ini.

“**Tempoh Promosi**” untuk Promosi I (seperti definisi di bawah) akan bermula pada 1 September 2022 (00:00 GMT+8) dan berakhir pada 9 September 2022 (23:59 GMT+8). Promosi II dan Promosi III (seperti definisi di bawah) akan bermula pada 9 September 2022 (00:00 GMT +8) dan berakhir pada 9 September 2022 (23:59 GMT+8). Bank berhak untuk mengubah Tempoh Promosi dengan Notis Terdahulu.

“**Kad Debit**” merujuk kepada Kad Debit Mastercard AmBank dan/atau Kad Debit Mastercard *TRUE by AmBank* yang dikeluarkan oleh Bank.

“**Notis Terdahulu**” merujuk kepada notis oleh Bank berkenaan fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalendar.

“**Pengguna Shopee**” bermaksud pengguna yang mempunyai akaun dengan Shopee.

- 1.2 Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang merujuk kepada kata satu hendaklah juga merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.
- 1.3 “**Perbadanan Bersekutu**” mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan kepadanya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, yang mana berkenaan. “**Syarikat Yang Berkaitan**” pula mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan kepadanya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

Terma dan Syarat
Promosi *Shopee 9.9 Super Shopping Day* Dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Promosi: 1 September 2022 – 9 September 2022

2 Kelayakan

- 2.1 Promosi ini dibuka kepada semua pemegang Kad Debit baharu dan sedia ada di Bank (termasuk kakitangan Kumpulan AmBank) yang juga Pengguna Shopee (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**").
- 2.2 Pendaftaran tidak diperlukan untuk menyertai Promosi ini.

3 Mekanisma Promosi

- 3.1 Mekanisma Promosi adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Tempoh Promosi	Promosi
1 September 2022 – 9 September 2022	<p>Diskaun Ringgit Malaysia Lapan (RM8) dengan perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Tiga (RM23) pada pesanan <i>ShopeeFood</i> dalam satu transaksi di aplikasi Shopee di mana pembayaran dibuat melalui Kad Debit AmBank. (“Promosi I”)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Promosi sah untuk sekali guna sahaja bagi setiap akaun Pengguna Shopee. • Promosi sah untuk perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Tiga (RM23) dalam satu transaksi, tidak termasuk kos penghantaran. • Promosi sah untuk seratus (100) penebusan pertama setiap hari dan terhad kepada sembilan ratus (900) penebusan pertama sepanjang tempoh promosi sahaja, atas dasar yang dahulu, diutamakan. • Promosi sah untuk pembayaran aplikasi Shopee dengan menggunakan Kad Debit AmBank sahaja. • Promosi sah untuk semua kedai di <i>ShopeeFood</i> sahaja.
9 September 2022	<p>Diskaun Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) dengan perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Seratus (RM100) dalam satu transaksi di aplikasi Shopee di mana pembayaran dibuat melalui Kad Debit AmBank. (“Promosi II”)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Promosi sah untuk sekali guna sahaja bagi setiap akaun Pengguna Shopee. • Promosi sah untuk perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Seratus (RM100) dalam satu transaksi. • Promosi sah untuk lapan ratus (800) penebusan pertama sahaja, atas dasar yang dahulu, diutamakan. • Promosi sah untuk pembayaran aplikasi Shopee dengan menggunakan Kad Debit AmBank sahaja. • Promosi sah untuk pembelian dengan <i>Shopee Mall</i> dan <i>Preferred Sellers</i> sahaja. • Promosi tidak sah untuk pembelian Susu Formula Bayi, Makanan & Makanan Tambahan, Lampin Bayi & Tandas Latihan, Tiket & Baucar, Isian Semula Telefon Mudah Alih & Kad SIM, Tambah Nilai, Milo dari <i>S-Mart</i>, produk <i>One or Not</i> dari stor Shopee, produk dari stor Yayasan <i>MMA</i>, produk dari

Terma dan Syarat
Promosi *Shopee 9.9 Super Shopping Day* Dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Promosi: 1 September 2022 – 9 September 2022

	stor <i>shopeegivesback</i> , dan kad petrol PETRONAS & Setel, Kad Hadiah & E-Baucar.
9 September 2022	<p>Penghantaran percuma sehingga Ringgit Malaysia Enam (RM6) dengan perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) dalam satu transaksi di aplikasi Shopee di mana pembayaran dibuat melalui Kad Debit AmBank. (“Promosi III”)</p> <ul style="list-style-type: none">• Pelanggan yang Layak boleh mendapatkan baucar untuk Promosi III melalui Aplikasi Shopee dan memasukkan baucar tersebut semasa membuat bayaran.• Promosi III sah untuk sekali guna sahaja bagi setiap akaun Pengguna Shopee.• Promosi III sah untuk perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) dalam satu transaksi untuk semua penjual Shopee.• Promosi III sah untuk lapan ratus (800) penebusan pertama sahaja, atas dasar yang dahulu, diutamakan.

4 Umum

- 4.1 Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak dan/atau mana-mana pihak yang dinyatakan di sini memberi kebenaran dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di dalam ini, dan terma dan syarat ini harus dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Perkhidmatan, dan Terma dan Syarat Kad Debit MasterCard AmBank. Pelanggan yang Layak diminta untuk log masuk ke laman sesawang rasmi Bank di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk sebarang kemas kini Promosi atau terma dan syarat terkini, jika ada.
- 4.2 Tawaran Promosi ini adalah tidak sah dengan mana-mana promosi/ lain yang ditawarkan oleh Bank.
- 4.3 Bank mempunyai hak pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi ini dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 4.4 Bank mempunyai hak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah ke atas mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan secara khusus di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian dari semasa ke semasa, termasuk mengubah Tempoh Promosi ini seperti yang difikirkan wajar, perlu dan sesuai dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 4.5 Sebarang notis yang diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui www.ambank.com.my atau di cawangannya, dan notis berkenaan hendaklah disifatkan sebagai telah diberikan apabila dipaparkan di laman sesawang rasmi atau di cawangannya, yang mana lebih awal.
- 4.6 Bank mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan atau kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Promosi ini sekiranya pada pendapat Bank:

Terma dan Syarat
Promosi *Shopee 9.9 Super Shopping Day* Dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Promosi: 1 September 2022 – 9 September 2022

- a) Pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat tidak benar atau melakukan penipuan atau kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses penyertaan atau di sepanjang Tempoh Promosi; atau
 - b) Pelanggan yang Layak telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- 4.7 Melainkan dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau perwakilan yang terkandung dalam mana-mana notis/promosi/bahan periklanan lain untuk Promosi ini.
- 4.8 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan kelayakan pelanggan yang layak dan penyertaan di dalam Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian
- 4.9 Bank tidak bertanggungjawab ke atas kerugian atau kerosakan yang dialami, seperti kehilangan pendapatan atau keuntungan, atau sebarang kerosakan tidak langsung, insidental, akibat, teladan, hukuman atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan Promosi, simpan dan berkecualian di mana kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaiian, kemungkiran sengaja atau penipuan Bank.
- 4.10 Setakat yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak apabila berlaku peristiwa "Force Majeure" merujuk kepada kejadian dan/atau keadaan yang tidak terduga yang tidak berada dalam kawalan Bank yang wajar, yang tidak dapat dicegah, dihindari atau dihapuskan oleh Bank termasuklah bencana alam seperti banjir, taufan, rebut, badai, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, penenggelaman atau penenggelaman tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penguncian, gangguan industry, rusuhan, peperangan, yang masing-masing berada di luar kawalan mana-mana pihak atau peristiwa, keadaan lain atau keadaan yang serupa dengan yang mungkin diklasifikasikan sebagai "Force Majeure" oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 4.11 Bank tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan oleh mana-mana Pelanggan yang Layak untuk menyertai Promosi ini pada bila-bila masa bagi sebarang kesalahan, gangguan dan/atau kegagalan rangkaian, komunikasi atau sistem.
- 4.12 Semua persoalan mengenai pembinaan, keabsahan, penguatkuasaan dan penafsiran terma dan syarat yang ditetapkan di sini harus diatur, ditafsirkan dan dikuatkuasakan sesuai dengan undang-undang Malaysia. Para pihak dengan ini tunduk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia untuk tujuan tuntutan, tindakan atau proses lain yang timbul dari atau berdasarkan terma dan syarat di sini.
- 4.13 Versi Bahasa Inggeris terma dan syarat ini juga terdapat di www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions. Sekiranya terdapat percanggahan atau konflik dalam penafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini akan ditafsirkan sebagai setara antara satu sama lain dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan dalam kedua-dua bahasa tersebut hendaklah membawa maksud yang sama.
- 4.14 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Promosi, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank di talian 03-2178 8888 dari 7.00 pagi hingga 11.00 malam, Isnin hingga Ahad atau e-mel ke customercare@ambankgroup.com.